

29/08/2003

Buku kisah Datuk Onn dilancar

JOHOR BAHRU: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan buku Imbasan Peristiwa-Peristiwa Sebelum Kemerdekaan Malaya hasil tulisan Datuk Mohamed Abid, di Hotel Eden Garden di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu diserikan persembahan muzikal artis Yayasan Warisan Johor (YWJ) yang menceritakan kisah perjuangan orang Melayu sebelum kemerdekaan.

Dato' Onn Jaafar muncul hero Melayu yang berjaya menyatupadukan bangsa Melayu menerusi jasanya menubuhkan United Malay National Organisation (Umno).

Turut hadir pada majlis yang diserikan dengan tayangan klip video sejarah sebelum kemerdekaan ialah isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Prof Dr Jamilah Ariffin; bersama 2,000 ahli Umno termasuk kalangan pemimpin veteran parti itu dan ahli keluarga Dato' Onn.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan buku versi Bahasa Inggeris bertajuk Reflections of Pre-Independence Malaya di Putrajaya, 12 Jun lalu.

Dalam ucapannya, Mohamed berkata, beliau bertuah kerana kesudian Abdullah melancarkan buku versi bahasa Melayunya itu dan lebih bermakna majlis diadakan di Johor Bahru, tempat kelahiran Umno.

"Penghasilan versi Bahasa Melayu ini juga bermakna saya sudah memenuhi janji yang saya buat kepada Perdana Menteri untuk menerbitkan versi bahasa Melayu," katanya yang mengimbas kembali cerita bagaimana Umno mula dilahirkan seperti mana diceritakan bapa mentua beliau, Allahyarham Tan Sri Anwar Abdul Malek.

Mohamed, 61, dilahirkan di rumah kediaman Datuk Onn di No 2, Jalan Tebrau, di sini yang mana satu ketika dulu rumah itu lebih dikenali sebagai Christine Place.

Mohamed berkata, buku itu akan memberi pembaca gambaran mengenai insan yang bernama Onn bin Jaafar kerana tidak ramai yang berpeluang bertemu dan mengenali secara dekat hero bangsa Melayu itu.